

**NO. SOALAN : 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD MAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Haji Ahmad Mazlan bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan perancangan Kerajaan mengenai usaha-usaha yang berterusan untuk menambahbaik promosi berkaitan dengan destinasi pelancongan di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang.**

**JAWAPAN :** **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Promosi berterusan dan penampaikan sentiasa diambil oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia bagi memastikan destinasi pelancongan alam semulajadi yang menakjubkan di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang menjadi pilihan utama mengamit kedatangan pelancong dari dalam dan luar negeri ke Malaysia.

Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang adalah sebuah destinasi eko-pelancongan yang kaya dengan kepelbagaian bio-diversiti dan keindahan flora dan fauna yang dianggarkan berusia lebih 130 juta tahun. Pelancong yang berkunjung ke sini ditawarkan dengan banyak daya tarikan geologikal dan biologikal seperti memerhati burung (*bird watching*), meneroka laluan trek hutan (*jungle trekking*), berkenalan dengan masyarakat orang asli (suku batek), menikmati pemandangan sungai dengan menaiki sampan dari Jeti Kuala Tembeling ke Kuala Tahan, meneroka Gua Telinga, mandi di air terjun Lata Berkoh, melihat habitat Ikan Kelah dan melihat keindahan hutan hujan tropika serta haiwan mamalia yang jarang ditemui dan semakin pupus seperti harimau, tenuk, gajah, rusa, pelanduk, dan seladang di laluan kanopi.

Bagi mempromosikan Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang ini di peringkat antarabangsa dan dalam negara, Tourism Malaysia telah mengambil tindakan seperti berikut:-

- (i) Mengadakan kempen pengiklanan secara global menerusi saluran televisyen satelit seperti CNN, CNBC, National Geographic dan sebagainya.
- (ii) Menyalurkan maklumat dan publisiti dalam akhbar dan majalah antarabangsa seperti International Herald Tribune, Time Magazine dan Readers Digest;
- (iii) Menganjurkan seminar dan *workshop* untuk para pengusaha pelancongan dan media asing di negara-negara sasaran seperti di Eropah, Amerika Syarikat, dan Australia.
- (iv) Mengetuai misi perdagangan untuk sektor pelancongan dengan membawa para pengusaha pelancongan dari negeri Pahang untuk berjumpa dengan para pengusaha pelancongan asing di dalam pameran pelancongan antarabangsa seperti *International Tourism Bourse (ITB)* di Berlin, di Jerman dan *World Travel Market (WTM)* di London.
- (v) Memberi sokongan kepada para pengusaha pelancongan dan syarikat-syarikat penerbangan asing dalam bentuk pengiklanan dan publisiti, untuk mereka mempromosikan pakej pelancongan ke Taman Negara;
- (vi) Menganjurkan lawatan suaikenal bagi para pengusaha pelancongan asing dan media antarabangsa melalui program *Mega Fam Group* agar mereka membangunkan pakej, manakala pihak media

berpeluang menerbitkan artikel serta program TV/Radio tentang Taman Negara, Kuala Tahan di negara masing-masing.

- (vii) Menerbitkan serta mengedar risalah pelancongan di dalam dan luar negara yang turut memaparkan produk-produk serta aktiviti di Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang; dan
- (viii) Menyebarluaskan maklumat mengenai Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang kepada pelancong melalui 14 buah Pejabat Tourism Malaysia Negeri dan 22 buah Pusat Penerangan Pelancongan, melalui 44 buah Pejabat Tourism Malaysia di luar Negara serta platform media sosial.

Dengan strategi-strategi ini, Taman Negara, Kuala Tahan, Jerantut, Pahang akan lebih dikenali di dalam negara dan peringkat antarabangsa sekaligus turut dipromosikan aktiviti-aktiviti serta produk pelancongan yang terdapat di sana.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN HAJI MOHAMAD  
[LIPIS]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6903**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Rahman Bin Haji Mohamad [Lipis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada benarkah wujud dakwaan bahawa 40 orang Mubaligh Kristian dari luar negara termasuk dari Israel dibawa masuk dan meminta visa untuk tempoh selama 3 tahun.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian sentiasa berusaha untuk memastikan kemasukan warganegara asing ke negara ini adalah terkawal.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, tiada permohonan daripada 40 Mubaligh Kristian dari luar negara termasuk dari Israel bagi tempoh 3 tahun diterima atau diluluskan pada tahun ini.**